



SEMARAK ILMU
PUBLISHING
202103268168(003314878-P)

Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijile/index>
ISSN: 3030-5268



Penerimaan Ibu Bapa Terhadap Program Pendidikan Inklusif di Sekolah Rendah Daerah Sibul

Parents' Acceptance of Inclusive Education Program in Sibul District Primary School

Jacques Tadong Anak Joannis¹, Vestly Kong Liang Soon^{1,*}

¹ Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia, 81310, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 29 February 2024

Received in revised form 24 March 2024

Accepted 25 March 2024

Available online 9 May 2024

ABSTRACT

Program Pendidikan Inklusif (PI) merupakan satu program yang melibatkan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) belajar bersama murid aliran perdana. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka tahap penerimaan ibu bapa MBPK terhadap PI. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di daerah Sibul. Objektif adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan sikap ibu bapa MBPK terhadap PI. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini dengan bertunjangkan Teori Pembelajaran Sosial yang diterajui oleh Albert Bandura. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan kaedah bersampelan bertujuan. Peserta kajian terdiri daripada dua orang responden yang merupakan penjaga utama kepada murid berkeperluan khas yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif di sebuah sekolah daerah Sibul. Temu bual, pemerhatian menerusi penulisan nota lapangan dan analisis dokumen dipilih sebagai instrumen kajian dan seterusnya dapatan kajian telah dihuraikan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan ibu bapa MBPK dari aspek pengetahuan dan sikap terhadap pelaksanaan PI adalah pada tahap yang sederhana tinggi. Pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak persamaan antara responden terutamanya dalam aspek pengetahuan dan sikap mereka sebagai ibu bapa walaupun terdapat perbezaan daripada latar belakang. Beberapa cadangan telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pentadbir sekolah bagi mengatasi permasalahan yang timbul dan mengelakkan impak negatif terhadap pelaksanaan PI di sekolah. Terdapat juga beberapa cadangan kajian lanjutan untuk pengkaji yang ingin menjalankan kajian ini pada masa hadapan. Pihak yang berkaitan perlu mengambil serius dapatan kajian ini agar PI dapat berjalan dengan lancar terutamanya di daerah Sibul serta mampu melahirkan MBPK yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

The Inclusive Education Program (IEP) is a program that involves students with special educational needs (SEN) learning together with mainstream students. This study was conducted with the aim of exploring the level of acceptance among parents of students with SEN towards the IEP. The study was carried out in a primary school in the Sibul district. The objective was to identify the level of knowledge and attitude of SEN parents towards IEP. A qualitative approach with a case study design was employed in this

* Corresponding author.

E-mail address: vestly@fpm.upsi.edu.my

Kata kunci:

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK); Program Pendidikan Inklusif (PI); pengetahuan; sikap; penerimaan

Keywords;

Special education needs; Inclusive Education Program; Knowledge, Attitudes; Acceptance

study, guided by Albert Bandura's Social Learning Theory. Participants were selected using a purposive sampling method. The study participants consisted of two respondents who were primary caregivers to students with special needs participating in the IEP at a school in the Sibu district. Interviews, observations through field notes and document analysis were chosen as research instruments and the study findings were subsequently described descriptively. The results of the study indicated that the acceptance of SEN parents in terms of knowledge and attitude towards the implementation of IEP was at a moderately high level. The researcher found that there were many similarities among the respondents, especially in terms of their knowledge and attitudes as parents, despite differences in the backgrounds of the parents. Several suggestions were proposed to the Malaysian Ministry of Education and school administrators to address arising issues and prevent negative impacts on the implementation of IEP in schools. There are also recommendations for further research for researchers interested in conducting similar studies in the future. Relevant parties should take the findings of this study seriously to ensure the smooth implementation of IEP especially in the Sibu district and to contribute to the country's development.

1. Introduction

Pendidikan Khas merupakan salah satu aspek yang tidak terpisahkan dalam usaha membangun negara yang inklusif dan berdaya saing. Dalam era globalisasi abad ke-21, pembangunan modal insan yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa menjadi keutamaan untuk memastikan Malaysia terus berada dalam landasan kemajuan. Pendidikan di Malaysia telah menetapkan matlamat yang jelas, di mana setiap individu, termasuk golongan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK), memiliki akses kepada pendidikan yang berkualiti tinggi. Pentingnya pendidikan khas di Malaysia telah diakui dan diperkuatkan oleh pelbagai deklarasi antarabangsa, antaranya melalui The Salamanca Statement and Framework for Action on Disability Education [1]. Melalui rangka tindakan ini, hak dan peluang pendidikan bagi MBPK telah ditegakkan sebagai asas untuk mencapai tahap pembelajaran yang setara. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memainkan peranan penting dalam memastikan pendidikan khas menjadi fokus utama dengan pengenalan Program Pendidikan Inklusif (PI). Dengan PI, MBPK diberi peluang untuk belajar bersama dengan rakan sebaya dalam bilik darjah yang sama, menjadikan pendidikan lebih inklusif dan merangkumi. Bagi memastikan pelaksanaan PI ini berjalan dengan baik, pihak kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) [2] telah menekankan hasrat kerajaan dalam meningkatkan penglibatan MBPK dalam PI. Ini ditegaskan dengan penetapan objektif bahawa sebanyak 75% MBPK akan terlibat dengan PI menjelang tahun 2025.

1.1 Latar Belakang Kajian

Terdapat dua jenis kategori PI yang dijalankan di Malaysia iaitu PI secara separa dan PI secara penuh. Menurut Tin dan Wah [3] PI secara separa ialah apabila MBPK hanya mengikuti beberapa mata pelajaran tertentu sahaja di dalam kelas arus perdana seperti mata pelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Seni dan lain-lain. Dalam PI secara separa, MBPK mengikuti beberapa mata pelajaran dalam kelas arus perdana, manakala PI secara penuh membolehkan mereka mengikuti kesemua proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas arus perdana. Kerjasama antara guru arus perdana, guru Pendidikan Khas, dan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) turut menjadi faktor penting dalam memastikan kejayaan PI. Namun, peranan ibu bapa atau penjaga juga tidak boleh diabaikan dalam menjamin keberhasilan PI ini. Dengan sokongan mereka, pembelajaran MBPK dapat diperkukuhkan di dalam dan luar bilik darjah, menjadikan pendidikan khas sebagai salah satu pendorong utama pembangunan negara. Pendidikan khas di Malaysia berada di bawah bidang kuasa

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Mengikut Warta Kerajaan Persekutuan: Peraturan-Peraturan Pendidikan [4], murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) berhak mendapat akses kepada pendidikan yang disediakan oleh KPM di sekolah-sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PI). Langkah ini selari dengan dasar pendidikan khas untuk memastikan kesaksamaan akses pendidikan yang relevan kepada MBPK. KPM juga telah lama menerapkan prinsip Pendemokrasian Pendidikan dalam usaha menyediakan pendidikan untuk semua golongan kanak-kanak [5]. Pendidikan Inklusif memberi peluang kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) untuk belajar bersama murid arus perdana dalam bilik darjah yang sama, serta mengikuti silibus yang sama. Tambahan lagi, Norfishah, *et al.*, [6], menyatakan bahawa PI telah dicipta khas untuk murid yang mempunyai keperluan pendidikan khas untuk belajar bersama-sama dengan murid arus perdana di dalam suasana yang sama. Deklarasi dan undang-undang telah dibuat bagi memastikan hak MBPK untuk menerima pendidikan yang sesuai. Namun, kebimbangan ibu bapa mengenai tahap pemahaman guru arus perdana dalam kelas inklusif serta penafian terhadap MBPK di dalam bilik darjah masih menjadi isu.

Dalam Individuals with Disabilities Education Act Amendments (IDEA) [7], kumpulan pelbagai disiplin adalah kumpulan yang diberi mandat atau kepercayaan untuk memberi perkhidmatan kepada golongan kurang upaya. Ibu bapa merupakan salah satu daripada ahli kumpulan pelbagai disiplin ini. Secara khususnya PI ini melibatkan sokongan kumpulan ibu bapa MBPK dan ibu bapa murid arus perdana. Kajian ini akan meneroka sejauh manakah tahap pengetahuan ibu bapa terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif dan meneroka sikap ibu bapa terhadap pendidikan inklusif di sekolah anak mereka.

1.2 Pernyataan Masalah

Pendidikan Inklusif merupakan strategi penting bagi murid-murid berkeperluan khas (MBPK) yang membolehkan mereka bersama dengan murid arus perdana dalam kelas yang sama serta mempelajari silibus yang serupa. Pendekatan sekolah arus perdana dengan orientasi inklusif dianggap paling berkesan dalam memerangi diskriminasi, memupuk komuniti yang celik inklusif serta dapat mencapai hasrat pendidikan untuk semua. Hal ini haruslah diberikan perhatian yang serius agar MBPK dapat menerima pendidikan yang sesuai dan relevan selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua [8]. Walaupun terdapat pelbagai deklarasi dan undang-undang yang digubal untuk menjamin hak pendidikan kanak-kanak, terdapat kebimbangan di kalangan ibu bapa mengenai kefahaman dan keupayaan guru arus perdana dalam kelas inklusif, serta penafian terhadap MBPK di dalam bilik darjah. Kajian lepas menunjukkan bahawa peranan guru sangat penting dalam keberkesanan PI, dan ibu bapa MBPK mengalami kesukaran dalam menentukan penempatan yang sesuai untuk anak-anak mereka [9]. Selain itu, kebanyakan ibu bapa masih mengalami kesulitan dalam menyokong pendidikan golongan berkeperluan khas dalam konteks kelas inklusif, kerana mereka bimbang akan keperluan istimewa anak-anak mereka dan keupayaan guru arus perdana serta murid arus perdana dalam berinteraksi dengan mereka. Menurut Shaver *et al.*, [10] setiap ibu bapa akan menjadi rakan yang aktif dalam proses pembelajaran anak mereka bukan hanya di institusi pendidikan, malahan ibu bapa perlu melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di rumah.

1.3 Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan Kerangka Teori Pembelajaran Sosial untuk menyelidik faktor-faktor yang mempengaruhi sokongan ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak. Teori ini menganggap tingkah laku ibu bapa berhubungan dan dapat mencipta keterlibatan mereka dalam pendidikan anak-anak, dengan fokus kepada pengaruh tingkah laku manusia terhadap persekitaran sekitarnya. Sikap aktif ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak berpotensi memberikan impak positif terhadap pencapaian pendidikan mereka, sesuai dengan konsep pembelajaran pemerhatian dan penguatan yang diperkenalkan oleh Albert Bandura [11], yang menekankan bagaimana tingkah laku manusia dipengaruhi oleh persekitaran dan mempengaruhi persekitaran semula.

1.4 Kajian-kajian Lepas

Beberapa kajian lepas telah menyorot pentingnya penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berkeperluan khas. Nurul Ain dan Khairul Farhah Khairuddin [12] menunjukkan bahawa pandangan ibu bapa terhadap pendidikan inklusif masih sederhana, menekankan perlunya pemahaman dan harapan yang lebih jelas. Kong Kie Soon dan Hasnah Toran [13] mencadangkan strategi berpusatkan keluarga untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan inklusif, dengan menyoroti keperluan bimbingan bagi ibu bapa dari pelbagai pihak berkepentingan. Saiful Azam Khoo Abdullah [14] menekankan pentingnya kehadiran ibu bapa di sekolah, interaksi dengan guru, dan perbincangan dengan guru pendamping. Kajian oleh Zarina Abd Aziz dan Safani Bari [15] menggariskan pengaruh positif penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian akademik anak-anak, menyoroti faktor-faktor seperti penerimaan komuniti sekolah dan pemahaman yang baik antara guru dan ibu bapa. Keseluruhannya, keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berkeperluan khas adalah penting dan memerlukan kerjasama yang baik antara pihak sekolah dan ibu bapa. Menurut Nor Hamizah dan Abd Rashid [16] adalah signifikan bagi ibu bapa untuk mempraktikkan corak keibubapaan yang sihat, menyediakan persekitaran yang dipenuhi dengan kasih sayang, penjagaan kesihatan, menggalakkan komunikasi sihat dengan mendengar secara aktif serta memberi peluang anak untuk meluahkan perasaan bagi memastikan kesejahteraan mental kanak-kanak.

Kajian lepas turut menunjukkan peranan penting guru dalam menentukan keberkesanan Program Pendidikan Inklusif (PI) bagi MBPK. Tambahan pula, ibu bapa masih bimbang mengenai penyertaan anak-anak mereka dalam kelas inklusif bersama murid arus perdana, terutamanya bagi anak-anak kurang upaya yang memerlukan perhatian khusus dari pihak keluarga. Mereka juga mengalami kesukaran mempercayai guru dan murid arus perdana dalam interaksi dengan anak-anak kurang upaya mereka semasa mengikuti PI. Kekurangan penglibatan ibu bapa dalam memberikan pendapat dilihat sebagai ibu bapa yang kurang memberi respon terhadap aktiviti yang dijalankan di sekolah. [17].

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pengetahuan dan sikap ibu bapa murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) terhadap Program Pendidikan Inklusif (PI) di sekolah anak mereka dengan menumpukan kepada persoalan kajian mengenai pengetahuan ibu bapa MBPK tentang PI di sekolah dan sikap yang ditunjukkan oleh mereka terhadap PI. Diharapkan kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan PI serta mencari jalan penyelesaian yang sesuai.

2. Metodologi

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang tidak bergantung kepada penomboran atau data kuantitatif, tetapi lebih menumpukan kepada pencerapan fenomena secara terperinci. Secara khusus, ia menggunakan kaedah kajian kes di mana pencerapan terhadap individu atau kumpulan individu dilakukan. Dapatan kajian kemudiannya disampaikan dalam bentuk laporan penceritaan atau andaian tanpa sokongan data kuantitatif. Penggunaan kaedah kajian kes membolehkan pengkaji untuk memahami isu atau objek kajian secara terperinci dengan menggunakan sampel yang kecil, serta menambah pengetahuan tentang fenomena yang dikaji. Pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan tujuan. Populasi kajian terdiri daripada ibu bapa yang anak mereka mengikuti kelas Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PI) di sebuah sekolah di daerah Sibuluan, manakala sampel kajian adalah dua orang ibu bapa yang terlibat dengan PI. Pemilihan sampel berdasarkan kehendak objektif dan persoalan kajian, serta melibatkan persetujuan dari responden untuk ditemu bual dan menggunakan data hasil daripada sesi temu bual.

2.2 Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, terdapat dua jenis pengumpulan data, iaitu data primer melalui temu bual dan data sekunder dari nota lapangan. Data-data ini dikumpul dan diproses mengikut keperluan untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi bagi menjawab soalan kajian. Sebelum menjalankan proses temu bual, pengkaji telah memohon izin daripada responden dan mendapatkan kebenaran untuk merekod, mencatat, dan mengambil gambar mereka. Surat kebenaran juga diperoleh daripada pihak sekolah jika lokasi kajian adalah di sekolah. Semasa proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan alat perakam audio untuk merekod temu bual dan nota lapangan untuk merekodkan pemerhatian terhadap responden serta menghasilkan transkrip perbualan secara terperinci.

2.3 Instrumen Kajian

Instrumen adalah alat kajian untuk memperoleh data dalam suatu kajian. Ini termasuk soal selidik, senarai semak, dan soalan temu bual. Penyediaan instrumen perlu mematuhi etika penyelidikan dan mempunyai unsur ketulenan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Soalan-soalan temu bual disediakan terlebih dahulu, tetapi pengkaji boleh menambah soalan semasa proses temu bual untuk mendapatkan maklumat tambahan. Contoh alat yang digunakan termasuk telefon pintar, buku catatan, dan alat perakam audio. Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian separa berstruktur untuk meneroka perlakuan yang telah dikenal pasti, seperti pengetahuan dan sikap ibu bapa terhadap pendidikan inklusif. Selain itu, analisis dokumen peribadi dalam bentuk lisan atau penulisan juga digunakan sebagai sumber data yang penting dalam kajian ini.

2.3 Prosedur Analisis Data

Prosedur analisis data kajian melibatkan pengkajian jenis data yang diperoleh. Untuk data kualitatif, analisis dilakukan secara naratif, termasuk data dari temu bual dan nota lapangan untuk menjawab persoalan kajian. Bagi temu bual separa berstruktur, pengkaji merakam dan membuat transkripsi verbatim untuk kemudian dianalisis. Pengekoden dibuat untuk mengenal pasti tema dan pola dalam transkripsi. Analisis data nota lapangan melibatkan penekanan pada frasa-frasa penting

dan isu yang kerap diulangi. Rumusan dan kesimpulan dibuat berdasarkan analisis data ini. Dalam analisis data pemerhatian separa berstruktur, pengkaji menggunakan nota lapangan yang mengandungi catatan pemerhatian tentang ucapan, perlakuan, mimik muka, dan kedudukan responden. Data pemerhatian dianalisis untuk mendapatkan pemahaman menyeluruh tentang fenomena yang dikaji. Analisis dokumen melibatkan penelitian dan analisis borang-borang persekolahan, gambar-gambar perjumpaan, borang permuafakatan, dan memo panggilan. Dokumen-dokumen ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang tidak terdapat dalam temu bual dan pemerhatian.

3. Dapatan Kajian

3.1 Latar Belakang Responden

Jadual 1

Latar belakang responden kajian

Nama	Puan S	Puan F
Jantina	Perempuan	Perempuan
Umur	37 tahun	39 tahun
Tahap Pendidikan	SPM	Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Awal Kanak-Kanak)
Pekerjaan	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Guru Prasekolah
Jenis ketidakupayaan anak	Autisme	Autisme

Merujuk Jadual 1, responden pertama adalah seorang wanita yang dikenali sebagai Puan S. Berusia 37 tahun, beliau memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai kelayakan pendidikan tertinggi. Puan S bekerja sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di sebuah pejabat kerajaan dan mempunyai seorang anak lelaki yang sedang belajar di Pusat Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dengan kecacatan spektrum autisme. Pemilihan Puan S sebagai responden adalah berdasarkan kesediaannya untuk menjalani sesi temu bual dengan pengkaji.

Sementara itu, responden kedua juga seorang wanita yang dikenali sebagai Puan F. Berusia 39 tahun, beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak sebagai tahap pendidikan tertinggi. Puan F adalah seorang guru Prasekolah di sebuah sekolah daerah Sibu dan mempunyai seorang anak perempuan yang juga belajar di PPKI dengan kecacatan spektrum autisme. Pemilihan Puan F sebagai responden dibuat berdasarkan latar belakangnya sebagai seorang guru, yang pengkaji ingin lihat sudut pandang ibu bapa yang bekerja dalam bidang pendidikan. Kedua-dua responden telah berjaya menyelesaikan sesi temu bual dengan pengkaji.

3.2 Analisis Data Temu Bual

Penganalisan data kajian dibuat berdasarkan jenis data. Semua data kualitatif telah dianalisis secara naratif dan juga data mentah yang diperolehi melalui temu bual dan nota lapangan telah dianalisis secara menyeluruh bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Penyelidik menjelaskan semua hasil kajian yang berkaitan dengan objektif penyelidikan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penerimaan ibu bapa MBPK dari segi pengetahuan dan sikap terhadap pelaksanaan PI adalah pada tahap yang sederhana hingga tinggi. Tambahan pula, penyelidik mendapati bahawa terdapat banyak persamaan antara responden, terutamanya dalam aspek pengetahuan dan sikap. Kesamaan antara responden ini adalah sesuatu yang memberi kesan positif. Dengan tidak langsung, ini menunjukkan bahawa ibu bapa MBPK dapat menerima PI dengan baik.

3.3 Analisis Data Pemerhatian

Puan S menunjukkan kerjasama yang baik sepanjang sesi temu bual, dengan menjawab setiap soalan dengan relevan. Ucapan dan perlakuan Puan S menunjukkan penghormatan terhadap pengkaji, sementara pemerhatian terhadap ekspresi muka menunjukkan keselesaan dan kejutan yang ditunjukkan dalam interaksi. Puan S memilih untuk bersemuka dengan pengkaji dengan postur badan yang sedikit ke depan, menunjukkan keterlibatan yang aktif. Puan F juga menunjukkan kerjasama yang memuaskan, walaupun kadang-kadang beremosi apabila menjawab soalan berkaitan dengan anaknya. Ucapan dan perlakuan Puan F menunjukkan penghormatan terhadap pengkaji dan kesungguhan dalam sesi temu bual. Pemerhatian terhadap ekspresi mukanya menunjukkan keyakinan dan keprihatinan yang ditunjukkan dalam interaksi, sementara postur badannya menunjukkan keterlibatan yang tegak dan bersemangat.

4. Perbincangan dan Kesimpulan

4.1 Perbincangan

Walaupun sistem pendidikan khas telah lama menjadi sebahagian penting dalam landskap pendidikan Malaysia, terdapat masih segelintir ibu bapa yang kurang kesedaran tentang program pendidikan inklusif di sekolah anak-anak bermasalah pembelajaran khas (MBPK) mereka. Menurut kajian ini, pengkaji menemui bahawa pengetahuan ibu bapa MBPK di sebuah sekolah daerah Sibu berada pada tahap sederhana tinggi. Mereka memahami program yang dilaksanakan di Pusat Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) anak-anak mereka dan menyedari kepentingan PI bagi perkembangan anak-anak mereka. Namun, mereka masih menghadapi kesulitan dalam memberikan penjelasan terperinci mengenai pelaksanaan PI serta cara anak-anak mereka terlibat dalam program tersebut. Penemuan ini sejajar dengan hasil kajian oleh Mohd Hanafi *et al.*, [18], yang juga mendapati bahawa pandangan ibu bapa terhadap PI masih pada tahap sederhana. Dengan demikian, pengkaji menyimpulkan bahawa ibu bapa MBPK perlu diberi pendedahan yang lebih awal tentang keberadaan PI di sekolah anak-anak mereka.

Berdasarkan hasil kajian, ibu bapa Murid Bermasalah Pembelajaran Khas (MBPK) menunjukkan sikap yang positif terhadap penglibatan mereka dalam Program Pendidikan Inklusif (PI). Hal ini diperkuat dengan pengamatan pengkaji yang mendapati maklum balas hampir seragam. Ibu bapa MBPK ini secara konsisten menyuarakan keinginan untuk memberikan yang terbaik bagi anak-anak mereka yang memerlukan bantuan khas. Zaiton Sharif dan Gunasegaran a/l Karuppannan [19] menekankan pentingnya sokongan dan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak berkeperluan khas. Sikap positif ibu bapa memainkan peranan penting dalam memastikan anak-anak mereka menerima pendidikan yang sewajarnya, sementara sikap negatif boleh menghalang usaha guru dalam membantu perkembangan anak-anak tersebut. Semua anak berhak mendapat peluang belajar yang sama, dan inspirasi serta sokongan yang diberikan oleh ibu bapa dapat mempengaruhi kemajuan akademik dan kokurikulum mereka.

4.2 Implikasi Kajian

Implikasi kajian terhadap penerimaan ibu bapa Murid Bermasalah Pembelajaran Khas (MBPK) terhadap Program Pendidikan Inklusif (PI), menyatakan bahawa ibu bapa MBPK sentiasa memberi sokongan kepada pembelajaran anak-anak mereka untuk mencapai kejayaan. Implikasi kajian ini turut melibatkan pelbagai pihak dalam bidang pendidikan, termasuk pelaksanaan cita-cita Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menghasilkan murid cemerlang tanpa mengasingkan

mana-mana murid, termasuk murid berkeperluan khas. Selain itu, penglibatan dan pendedahan ibu bapa dalam PI juga membangkitkan kesedaran di institusi pendidikan dan membolehkan pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan untuk mengembangkan strategi dan pendekatan yang lebih baik dalam implementasi PI, termasuk penyesuaian kurikulum, sokongan guru, dan kemudahan asas bagi golongan berkeperluan khas di sekolah.

4.3 Cadangan

Terdapat beberapa saranan bagi kajian lanjutan yang boleh diambil kira oleh pengkaji pada masa akan datang dan juga oleh pihak-pihak yang berminat dengan kajian ini. Antara saranan-saranan tersebut termasuklah: Berdasarkan kajian ini, beberapa ibu bapa menghadapi kesulitan dalam mendapatkan maklumat lanjut yang terperinci berkaitan dengan program Pendidikan Inklusif (PI). Oleh itu, kerjasama antara pihak institusi pendidikan dan guru-guru perlu diperkukuhkan bagi memberi pendedahan yang lebih jelas kepada ibu bapa atau penjaga Murid Berkeperluan Khas (MBPK) mengenai PI. Maklumat yang disampaikan haruslah jelas dan merangkumi objektif utama program, kaedah dan strategi pelaksanaan program, serta impak pelaksanaan program terhadap MBPK. Kerjasama yang efektif antara semua pihak diharapkan dapat memudahkan penyampaian maklumat terus kepada ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhannya. Dari segi pentadbiran, institusi pendidikan rendah seperti sekolah boleh mengambil inisiatif untuk memperkukuhkan hubungan antara sekolah dan ibu bapa. Satu langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah adalah dengan mewujudkan sistem perhubungan yang kukuh antara guru dan ibu bapa murid. Contohnya, langkah ini dapat dilaksanakan melalui penggunaan buku catatan sekolah-rumah, menetapkan aras atau tahap keterlibatan yang diperlukan, dan memberi dorongan kepada ibu bapa untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Dari perspektif kajian, cadangan penambahbaikan juga boleh dilakukan dari segi tajuk dan responden kajian. Kajian ini telah dilakukan dalam kalangan ibu bapa MBPK di Malaysia dengan menggunakan kaedah temu bual untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan sikap ibu bapa terhadap PI. Walaupun kajian ini memberi manfaat, ia mempunyai batasan dalam kalangan ibu bapa sahaja serta konsep pengetahuan dan sikap mereka. Oleh itu, kajian lanjutan perlu diperluaskan kepada ahli keluarga dan penjaga MBPK yang terlibat supaya dapatan yang diperolehi lebih tepat dan dipercayai. Selain itu, kajian lanjutan yang bertujuan untuk meneroka sikap masyarakat terhadap program inklusif dan mengkaji rintangan yang mungkin timbul juga boleh dijalankan. Kajian lanjutan ini penting kerana masyarakat memainkan peranan penting dalam menerima sebarang perubahan dalam konteks pendidikan negara, terutamanya dalam pelaksanaan program pendidikan inklusif.

4.4 Kesimpulan

Setelah menganalisis data, dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan ibu bapa Murid Bermasalah Pembelajaran Khas (MBPK) mengenai pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PI) terhadap anak-anak mereka adalah sederhana tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun ibu bapa ini memahami konsep PI di sekolah anak-anak mereka, namun mereka masih menghadapi kesulitan dalam menjelaskan dengan terperinci cara pelaksanaannya. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa sikap ibu bapa MBPK terhadap pelaksanaan PI adalah positif. Walaupun terdapat variasi dalam respons dan reaksi mereka, namun kesimpulannya adalah bahawa ibu bapa MBPK berharap anak-anak mereka dapat mengejar kehidupan dalam masyarakat secara normal seperti yang diharapkan oleh semua orang.

Rumusannya, usaha untuk berinteraksi dengan pihak pentadbiran memainkan peranan penting dalam memastikan tiada keciciran maklumat dan memastikan maklumat tersebut dapat difahami dan diterima dengan betul. Kajian menunjukkan keperluan penting bagi ibu bapa untuk mengetahui program atau aktiviti yang dijalankan untuk anak-anak mereka, dengan pendedahan awal sangat membantu mereka memahami pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PI). Penekanan terhadap hasil kajian ini ditegaskan oleh Halimah, Eow Yee Leng dan Chuah Beng Ean [20] dengan menekankan peranan ibu bapa yang turut serta membantu guru menangani isu disiplin anak-anak melalui usaha berkomunikasi dengan pentadbir untuk membincangkan masalah tersebut. Ini dianggap sebagai usaha bersama yang paling berkesan dalam menyokong program pendidikan khas untuk kanak-kanak dengan masalah pembelajaran. Bagi sebilangan ibu bapa, kepastian mengenai kepuasan dalam komunikasi dengan pihak sekolah tidak begitu jelas, menyebabkan beberapa ibu bapa tidak menerima maklumat yang mencukupi daripada sekolah berkaitan pelaksanaan program inklusif.

Keseluruhannya, keberkesanan program pendidikan inklusif dapat dicapai jika terdapat kerjasama dan keterlibatan ibu bapa serta guru dalam melaksanakan program tersebut. Oleh itu, ibu bapa perlu diberi pendedahan dan pemahaman yang mencukupi tentang pelaksanaan program inklusif sebelum menyertakan anak-anak mereka dalam program tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan sesuatu program sangat bergantung kepada tahap keterlibatan dan kerjasama sepenuhnya daripada pelbagai pihak, terutamanya ibu bapa dan guru.

Rujukan

- [1] *The Salamanca Statement and Framework for Action on Disability Education: Framework of Action on Special Needs Education*. (1994). UNESCO. Paris: World Conference on Special Needs Education.
- [2] Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013. *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Di ambil dari laman sesawang <https://www.moe.gov.my/dasarmenu/pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025>.
- [3] Tin, A., & Wah, L. (2018). *Pendidikan Inklusif*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- [4] Warta Kerjaan Persekutuan: *Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. (2013). Jabatan Peguam Negara.
- [5] Khas, B. P. (2013). *Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas. Edisi Percubaan*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [6] Rabi, Norfishah Mat, Wong Kun Teck, Noralizawati Abdullah, Nur Attirra, Wanni Mohd Nasir, and Nurul Shahida Nordin. "Social Communication Skills' Criteria for Placement of Student with Disabilities in Inclusive Program." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 10, no. 3 (2020).
- [7] Individuals with Disabilities Education Act Amendments (IDEA) (1997). *Implications for Special and General Education Teachers, Administrators and Teacher Trainers*.
- [8] Jongkulin, Mohammad Azman, Roslee Talip, and Muhammad Suhaimi Taat. "Pendidikan Inklusif: Efikasi Kendiri Guru Prasekolah." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4, no. 7 (2019): 87-95.
- [9] Ratliff-Black, Marie, and William Therrien. "Parent-mediated interventions for school-age children with ASD: A meta-analysis." *Focus on autism and other developmental disabilities* 36, no. 1 (2021): 3-13.
- [10] Shaver, Ann V, A., & Walls, R. (1998). *Parental Involvement on Student Reading and Mathematics Achievement*. Journal Research and Development in Education, 91-97.
- [11] Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Prentice Hall.
- [12] Khairuddin, Khairul Farhah. "Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas Kategori Autisme di Sekolah Rendah: Perspektif Ibu Bapa." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 2 (2022): e001286-e001286.
- [13] Soon, Kong Kie, and Hasnah Toran. "Perspektif Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Inklusif Di Sekolah Rendah Bahagian Bintulu, Sarawak." *Jurnal Dunia Pendidikan* 5, no. 1 (2023): 793-806.
- [14] Abdullah, Saiful Azam Khoo. "Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia." *Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia* (2017).
- [15] Abd Aziz, Zarina, and Safani Bari. "Penglibatan ibu bapa di dalam Kelas Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran: Satu kajian kes." In *International Seminar on Special Education For Southeast Asia Region, 1*, vol. 13. 2015.
- [16] Ab Razak, Nor Hamizah, and Abdul Rashid Aziz. "Perkembangan Sosial Dan Emosi Kanak-Kanak: Kesan Penjarakan Sosial Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Dan Pendekatan Dalam Membantu." (2020).

- [17] Stahmer, Aubyn C., Sarah Vejnosa, Suzannah Iadarola, Diondra Straiton, Francisco Reinos Segovia, Paul Luelmo, Elizabeth H. Morgan et al. "Caregiver voices: Cross-cultural input on improving access to autism services." *Journal of racial and ethnic health disparities* 6 (2019): 752-773.
- [18] Yasin, Mohd Hanafi Mohd, Hasnah Toran, and Nor Azizah Abd Majid. "Penerimaan Ibu Bapa Terhadap Terhadap Program Pendidikan Inklusif."
- [19] Sharif, Zaiton. "Sokongan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Anak Pendidikan Khas (PK)." In *Proceedings of International Conference on Special Education*, vol. 2. 2017.
- [20] Abdul Majid, S. H. H., E. Y. Leng, and C. B. Ean. "Penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam memperkasakan sekolah." (2017).